

TAZKIRAH @ SENAT

PROF MADYA DR. AHMAD BIN CHE YAACOB
PENGARAH PUSAT ISLAM
25 JANUARI 2023

KEUTAMAAN SABAR

- Abu Naim telah meriwayatkan dari Ali bin Husain r.a., dia berkata; “Pada hari kiamat akan diserukan: Manakah di antara kalian **ahl fadl** (orang-orang yang mempunyai keutamaan), bangunlah. Maka bangun hanya beberapa orang. Lalu dikatakan kepada mereka; pergilah ke syurga!. Mereka pun pergi hingga apabila mereka bertemu dengan malaikat, dan malaikat pun bertanya kepada mereka:

- “Kalian hendak ke mana?”. Orang-orang tersebut pun menjawab: “Kami hendak ke surga”. Malaikat itu pun bertanya lagi: “Sebelum kalian dihisab?”. Mereka menjawab: “Benar”. Lalu malaikat itu pun bertanya lagi: “Siapakah kalian ini?”. Mereka pun menjawab: **“Kami adalah orang-orang yang apabila orang bodoh datang kepada kami, kami berlemah lembut dengannya, apabila ada orang yang menyakiti kami bersabar, apabila ada yang menzalimi kami, maka kami maafkan dia”**. Lalu malaikat itu pun berkata: “Pergilah ke surga itulah balasan paling baik untuk orang-orang soleh”.

Surah Al-Furqan, ayat 63

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ
هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا

63

wa 'ibādur-rahmānillażīna yamsyūna 'alal-arḍi haunaw wa iżā
khāṭabahumul-jāhilūna qālū salāmā

Adapun hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pengasih itu adalah orang-orang yang berjalan di bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang bodoh menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina), mereka mengucapkan, "salam,"

- Kemudian diserukan lagi: “Siapakah di antara kalian yang termasuk orang-orang yang sabar?”. Maka mereka pun diperintahkan untuk masuk ke surga seperti golongan yang pertama tadi mereka bertemu dengan malaikat yang bertanya: “Siapakah kalian ini?”. Mereka pun menjawab: **“Kami adalah orang-orang yang bersabar untuk tetap taat kepada Allah dan sabar untuk tetap tidak melakukan maksiat kepada Allah”**. Lalu malaikat itu pun berkata: “Masuklah ke surga itulah sebaik-baik nikmat untuk orang-orang yang beramal soleh”.

إِنَّمَا يُؤَفِّقُ الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ

“Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah,
yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas”

Az-Zumar 39 : Ayat 10





IG @Mozaik_Islam

SABAR DALAM KETAATAN

**Rasulullah SAW bersabda: "...Jangan sampai tertundanya rezeki mendorong kalian untuk mencarinya dengan cara bermaksiat kepada Allah. Karena rezeki di sisi Allah tidak akan diperoleh kecuali dengan taat kepada-Nya."
(HR. Thabrani)**



Mozaik_Islam

 @TausiyahCinta_

Bersabar dalam
menjauhi maksiat



SABAR ITU ADA 3

1. Sabar saat taat.
2. Sabar saat menjauhi maksiat
3. Sabar saat ditimpa musibah.





Doa Apabila Menghadapi Tekanan (Stress)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

"Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dialah sebaik-baik pengurus (dan terserah kepadanya Segala urusan kami)". (Surah Ali-Imran:173)

Nota: Apabila menghadapi tekanan baca ayat ini sebanyak mungkin sebagai zikir – insya' Allah hati akan menjadi tenteram.

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلُّهُ لَهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا
لِلْمُؤْمِنِ: إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ
صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

- Kemudian diserukan untuk kali ketiga: “Bangunlah orang-orang yang menjadi jiran kepada Allah”. Lalu bangunlah beberapa kelompok manusia. Diserukan kepada mereka: “Pergilah kamu ke syurga”. Mereka kemudian ditanya oleh malaikat seperti yang terdahulu. Mereka pun menjawab: **“Kami menziarahi kerana Allah, dan menghadiri kuliah pengajian kerana Allah, dan kami berkorban kerana Allah”**. Lalu dikatakan: “Masuklah ke syurga yang menjadi sebaik-baik nikmat untuk orang yang beramal soleh”. (Kitab Tazkirah Imam Al-Qurtubi)

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ
يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾

Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingati Allah, dan (dari) mendirikan sembahyang, dan (dari) membayarkan zakat. Mereka takut kepada suatu hari yang (di hari itu) hati dan penglihatan menjadi goncang.

[QS. AN NUR 24:37]

Surah Al-Sajdah, ayat 16

لَتَجَافَى جُنُوبَهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿١٦﴾

Lambung mereka jauh dari tempat tidurnya dan mereka selalu berdoa kepada Rabbnya dengan penuh rasa takut dan harap, serta mereka menafkahkan apa apa rezeki yang Kami berikan.

Pengajaran

1. Hidup di dunia tidak dapat lari dari menerima ujian dan cabaran.
2. Orang yang sabar akan mendapat ganjaran pahala yang amat besar di sisi Allah dengan dimasukkan ke dalam syurga.
3. Kita hendaklah mendidik jiwa untuk bersabar dalam melakukan ibadah.

Pengajaran

4. Orang yang bersabar ketika hendak melakukan maksiat akan diberikan ganti yang lebih baik.
5. Allah menyukai orang yang menuntut ilmu kerana Allah SWT dengan mereka sentiasa menziarahi tempat pengajian.
6. Kita hendaklah sentiasa membayangkan azab yang amat pedih untuk menanamkan perasaan takut.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”